



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

NGO-NGO DILIBATKAN DALAM AGENDA PEMBANGUNAN WANITA

Putrajaya, 13 September – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini **telah mengadakan sesi libat urus bersama 55 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) wanita daripada pelbagai peringkat dan latar belakang**. Tujuan utama sesi libat urus ini diadakan adalah untuk melibatkan penyertaan semua pihak bagi mendapatkan input-input yang signifikan dan menggunakan ruang-ruang kerjasama yang bersesuaian untuk **memperkasakan program-program pembangunan wanita untuk menjadi lebih efektif dan berimpak tinggi**.

YB Datuk Seri menegaskan bahawa agenda pemerksaan wanita yang diterajui oleh KPWKM ini akan terus menjadi salah satu agenda penting negara yang memerlukan komitmen tinggi daripada semua pihak bagi menjayakannya. Beliau juga berharap agar NGO-NGO dapat terus menjadi mata dan telinga Kerajaan dalam menyalurkan pelbagai maklumat kepada pihak Kementerian dan input-input yang dikemukakan akan diterjemahkan kepada tindakan-tindakan yang berkesan untuk menjamin kesejahteraan rakyat diperingkat akar umbi, khususnya para wanita. Wanita juga dituntut supaya bersedia untuk berubah dan mampu beradaptasi dengan setiap perubahan cara kerja masa kini.

Dalam pertemuan dengan NGO pada kali ini beberapa perkara telah diputuskan untuk tindakan segera, antaranya ialah pembentukan Jawatankuasa Tindakan Bersama bagi menyelaraskan dan memantau pelaksanaan program pemerksaan wanita secara menyeluruh. Antara isu-isu yang dibincangkan di dalam sesi libat urus ini menyentuh mengenai keperluan perancangan program yang bersifat menyeluruh dan inklusif serta mekanisme pelaksanaan yang berkesan supaya manfaatnya sampai tepat kepada kumpulan sasaran, meningkatkan lagi program-program berbentuk bimbingan psikososial, penjanaaan pendapatan, bantuan alternatif selain tunai, advokasi keganasan terhadap wanita dan bimbingan

kemahiran. Promosi terhadap inisiatif sedia ada Kerajaan seperti masjid sebagai tempat perlindungan atau pusat transit sementara bagi mangsa-mangsa keganasan rumah tangga juga perlu disebarluas agar dapat dimanfaatkan oleh kumpulan sasar.

Antara NGO-NGO yang hadir di dalam sesi libat urus ini ialah Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Kelab Wanita Ikon Malaysia (KWIM), Persatuan Kebajikan Wanita Ibu Tunggal dan Warga Emas (PERWATIE), PENIAGAWATI, IKRAM, IKESNITA dan Ameerah Care Malaysia.

Kementerian ini juga telah melibatkan NGO-NGO di dalam penubuhan sukarelawan SKUAD WAJA di peringkat komuniti yang menyediakan perkhidmatan bantuan sokongan psiko-sosial, menjadi agen penyampaian maklumat inisiatif Kerajaan dan membantu kumpulan sasar khususnya wanita yang memerlukan sebarang bentuk bantuan yang berkaitan.

Sebelum ini JPW juga telah menganjurkan Konvensyen Pemimpin Muda dan Simposium Wanita Negara pada Ogos tahun ini yang telah menghasilkan resolusi yang akan digunapakai bagi proses semakan semula Dasar Wanita Negara. Kedua-dua program ini melibatkan penyertaan wakil-wakil daripada pelbagai sektor antaranya seperti agensi Kerajaan, mahasiswa Institut Pengajian Tinggi, wakil NGO, sektor korporat, wakil kumpulan sasar KPWKM dan lain-lain.

KPWKM komited untuk terus melibatkan pelbagai pihak di dalam kalangan pemegang taruh bagi membangunkan program dan inisiatif strategik yang berkesan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**
Jabatan Pembangunan Wanita
No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1884

Tarikh dikeluarkan : 13 September 2021